



PIAGAM PERUBAHAN IKLIM BSN





ISI KANDUNGAN

Halaman 2 • LATAR BELAKANG

Halaman 3 • STRUKTUR – PERUBAHAN IKLIM

Halaman 4 • TERAS 1 : PERNIAGAAN DAN OPERASI

Halaman 5 • TERAS 2 : PELANGGAN

Halaman 6 • TERAS 3 : KAKITANGAN BSN

Halaman 7 • TERAS 4 : RAKAN NIAGA

Halaman 8 • TERAS 5 : PENDEDAHAN MAKLUMAT DAN KETELUSAN


Halaman 9 • MAKLUM BALAS



LATAR BELAKANG

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, Bank Simpanan Nasional (BSN) menyedari akan impak perubahan iklim terhadap alam sekitar, kesejahteraan manusia yang berpotensi menjelaskan ekonomi serta menjadi risiko utama terhadap perniagaan dan persekitaran operasi kami.

Oleh itu, BSN bermatlamat untuk menerapkan prinsip persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam strategi perniagaan dan operasi kami sebagai komitmen ke arah amalan-amalan kelestarian di samping mewujudkan dan memberi nilai tambah kepada pihak-pihak yang berkepentingan serta memenuhi mandat rangkuman kewangan kami.



STRUKTUR - PERUBAHAN IKLIM

Perniagaan dan Operasi

- Tadbir Urus yang Baik dan Beretika
- Penggunaan Tenaga, Teknologi dan Automasi yang Produktif dan Efisien

Pelanggan

- Perkhidmatan yang Adil dan Beretika di Samping Memastikan Hak pelanggan Sentiasa Dilindungi
- Rangkuman Kewangan

Kakitangan BSN

- Dinamik dan Meluas
- Keselamatan di tempat kerja

Rakan Niaga

- Memperkuatkukuhkan Kerjasama Bersama Rakan-Rakan Perniagaan
- Mempromosikan Amalan Kelestarian

Pendedahan Maklumat dan Ketelusan

- Komunikasi dan Interaksi
- Data Privasi dan Etika



TERAS 1: PERNIAGAAN DAN OPERASI

Matlamat kami adalah untuk mencapai kelestarian dalam semua yang kami lakukan di samping memelihara tadbir urus dan amalan etika yang baik. Bermula dengan operasi dalaman, kami berusaha untuk mengadaptasi penggunaan tenaga, teknologi dan automasi yang lebih produktif dan efisien. Inisiatif ini juga akan turut diperluaskan dalam strategi perniagaan kami dan pengurusan risiko bersandarkan prinsip-prinsip ESG dalam usaha kami untuk memacu rangkuman kewangan seiring dengan visi ‘Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan’.

Keperluan perniagaan dan operasi ini akan berpandukan rangka kerja Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang terdiri daripada ukuran prestasi dan sasaran jangka masa pendek dan panjang.





TERAS 2: PELANGGAN

Kami berlitzam untuk memberikan perkhidmatan kepada semua rakyat Malaysia, tanpa mengira jantina, bangsa, umur dan latar belakang sosio-ekonomi. Matlamat kami adalah untuk memberi perkhidmatan yang adil dan beretika sama ada dalam penetapan harga serta amalan penjualan di samping memastikan hak pelanggan sentiasa dilindungi. Lebih utama, kami menyokong agenda rangkuman kewangan khususnya bagi segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan melalui penawaran produk dan servis yang dapat membantu kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.





TERAS 3 : KAKITANGAN BSN

Kami komited untuk membina persekitaran kerja yang dinamik, meluas, inklusif dan selamat bagi kakitangan kami di samping menggalakkan serta membudayakan amalan-amalan kelestarian. Ini termasuklah meningkatkan kesedaran dalam kalangan kakitangan kami akan perubahan iklim dan pemuliharaan menerusi sumbangan kepada komuniti di mana kami beroperasi melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR ESG). Selain itu, kami turut membangunkan dan menambah baik operasi dalaman kami untuk kurangkan, guna semula dan kitar semula. Kami juga akan menyelaraskan nilai-nilai korporat kami iaitu Komitmen, Cerdas & Tangkas, Menghormati dan Beretika (CARE) dengan prinsip-prinsip ESG.





TERAS 4 : RAKAN NIAGA

Kami akan memberi penekanan bagi memperkuatkan kerjasama bersama rakan-rakan perniagaan yang mengutamakan pembangunan lestari selain komited untuk menerapkan faktor-faktor ESG dalam perniagaan mereka. Sama ada menerusi pelaburan atau melalui perolehan barang dan perkhidmatan, semua rakan niaga kami perlulah memenuhi Kod Etika Perniagaan BSN. Kami juga akan berusaha untuk mempromosikan amalan kelestarian di antara para pembekal dan juga penyedia perkhidmatan kami bagi terus menggalakkan pembangunan lestari.





TERAS 5 : PENDEDAHAN MAKLUMAT DAN KETELUSAN

Kami komited untuk memastikan semua pihak berkepentingan memperolehi maklumat tentang perkembangan dan impak inisiatif serta sumbangan pembangunan lestari BSN. Kami juga akan memaklumkan informasi lanjut berkaitan ESG melalui laporan tahunan kami selaras dengan amalan industri perkhidmatan kewangan serta yang dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia.

